**Working Paper No. 6, June 2006**

# HALA TUJU POLITIK KAUM IBAN SELEPAS PILIHANRAYA 2001

**Lucy Sebli**



# HALA TUJU POLITIK KAUM IBAN SELEPAS PILIHANRAYA 2001

**Lucy Sebli**

**Fakulti Sains Sosial**
**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

## Pengenalan

Pembubaran Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 3 September 2001 serta penamaan calon yang bertanding pada 18 September telah memberikan peluang bagi calon-calon dari parti kerajaaan atau Barisan Nasional (BN) untuk merancang strategi kempen pilihanraya parti masing-masing yang sebaik mungkin. Hari kempen yang pendek iaitu sembilan hari sahaja haruslah digunakan dengan sebaik mungkin untuk "menjual" calon-calon atau polisi-polisi parti masing-masing dalam memancing undi daripada para pengundi khasnya pengundi dari kawasan luar bandar.

Isu-isu yang digunakan untuk memancing undi pula haruslah *"catchy"* atau sekurang-kurangnya isu yang sesuai dengan kawasan-kawasan mengundi. Contohnya, bagi kawasan luar bandar, isu yang menjadi perdebatan hangat yang diperbincangkan oleh masyarakat rumah panjang, terutamanya di kawasan Tamin, Sekuau, Lemai, Siang, Kanowit (Ngemah dan Machan) dan Kapit adalah isu berkaitan dengan tahap pembangunan asas yang tidak memuaskan. Pembangunan asas yang dimaksudkan adalah air paip, elektrik, kemudahan telefon, jalan raya serta projek-projek kecil seperti projek atap atau papan. Selain itu, isu-isu seperti isu berkaitan dengan tanah bumiputera yang akan dibangunkan untuk skim kelapa sawit serta isu pekerjaan turut menarik perhatian utama penduduk dari kawasan luar bandar.

Walaupun isu kemasukkan UMNO menjadi topik utama akhbar-akhbar tempatan di Sarawak namun, isu sebenar pilihanraya di Sarawak adalah lebih berbentuk tempatan. Isu-isu seperti perpaduan masyarakat, tahap pembangunan, tahap serta kemudahan pendidikan serta keadaan sosial-ekonomi masyarakat di luar bandar, khususnya di kalangan kaum Iban merupakan perkara yang menjadi tumpuan para pemimpin Iban khususnya parti PBDS.

Bagi kaum Iban pula, khususnya di Tamin, Kanowit serta Kapit, isu yang hangat diperdebatkan adalah isu tanah yang berkaitan dengan skim kelapa sawit', tahap pembangunan asas yang tidak memuaskan serta tahap sosial-ekonomi penduduk tempatan yang tidak memuaskan. Seperti pilihanraya yang lalu, BN sekali lagi menggunakan *"Politics of Development"* (Aeria, 1997:63) atau POD sebagai strategi untuk memancing undi daripada para pengundi. Ini termasuklah projek air pair, elektrik, jalan bertar ke kampung-kampung, pembesaran sekolah-sekolah serta pembinaan klinik-klinik kecil, pasar-pasar kecil dan jalan-jalan serta jambatan-jambatan.[2] Malah ada di antara calon-calon parti khasnya daripada parti BN yang telah menjalankan kempen lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan dengan menggunakan nama lain agar tidak terlalu ketara. Ini diakui oleh calon yang bertanding bagi kawasan Tamin. Isu perpaduan masih lagi menjadi isu utama yang menjadi tumpuan para calon parti politik dari PBDS dan SNAP.

Selain dalam bentuk projek-projek kecil, *"outright handouts"* seperti wang juga turut diberikan kepada para pengundi yang *"desperate"* di kawasan pedalaman. Taktik atau strategi yang menggunakan POD ini ternyata berkesan bagi memancing undi daripada penduduk di kawasan pedalaman, terutamanya daripada kaum Iban.

Terutamanya di kawasan Sekuau dan Pasai-Siong. Sekuau adalah merupakan kawasan penempatan semula masyarakat Iban yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah komunis pada masa darurat. Kerajaan Negeri clan Persekutuan telah berjanji akan mengagihkan semula tanah-tanah tersebut kepada para penduduk di Sekuau apabila tiba waktunya. Isu tersebut telah disuarakan oleh bekas penghulu Sekuau bernama Dagang.

Di Ngemah. Kanowit, projek-projek yang dijalankan semasa kempen pilihanraya adalah termasuk pembinaan pasar Bawan-Pidai. air paip ke Nibong-Tada, tingkatan enam bagi SMK Sedaya, telefon tanpa wayar ke Ngungun serta projek kecil kawasan pedalaman. Kesemua projek tersebut diketuai oleh Gabriel Adit daripada PBDS: Di Machan pula, projek-projek seperti pembinaan dewan masyarakat, surau-surau, pasar-pasar baru dan pembangunan tanah-tanah Bumiputera yang melibatkan 14,000 hektar untuk skim kelapa sawit. Projek tersebut adalah di bawah tanggungjawab Gramong Juna dari parti PBB. Di Tamin, projek menjadikan Selangau sebagai daerah pcnuh sedang dijalankan, projek membina jalan bertar di skim penempatan semula Sekuau yang menelan belanja sebanyak 3. 2 juta ringgit, pembaikan jalan-jalan di kawasan Pasai-Siong, dan jalan-jalan ke rumah panjang, serta projek. membangunkan tanah-tanah Bumiputera untuk skim kelapa sawit di Pasai-Siong. Joseph Entulu Belaun daripada parti PBDS diberi tanggungjawab untuk mengetuai projek-projek tersebut.